

09/04/2004

Pentadbir Felda mesti sehaluan Pak Lah

Abu Hasan Adam

KETIKA di Terengganu, baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghulurkan 'buah sulungnya' kepada peneroka apabila meletakkan Felda di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan pengawasan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Tidak syak lagi kita sememangnya memerlukan program khas bagi membangunkan generasi kedua dan ketiga Felda. Ini memandangkan generasi peneroka iaitu perintis projek membuka Felda dulu ramai sudah tidak ada lagi sedang yang tinggal hanyalah anak dan cucu mereka.

Mungkin ada yang tertanya-tanya kenapa dengan tidak semena-mena soal Felda diutamakan sedang mungkin juga ramai yang tidak menduga isu Felda begitu menarik perhatian Pak Lah.

Peneroka pula tentulah hairan bercampur gembira akan keprihatinan kerajaan terhadap kehidupan mereka. Perlu diingat isu Felda mula diberi perhatian Perdana Menteri sebaik beliau mengambil alih tampuk kerajaan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad tahun lalu.

Sebagai langkah pertama beliau menangguhkan dulu rancangan menyenaraikan Felda di pasaran saham kerana mahu kajian mendalam dijalankan. Kini jelas isu memajukan lagi Felda akan menjadi antara agenda utama JPM. Ia sebelum ini adalah di bawah penyeliaan Kementerian Tanah dan Wilayah.

Najib pula berikrar akan berusaha memberi nafas baru kepada pembangunan Felda sambil menekankan sudah tiba masanya penilaian semula dibuat bagi mengetahui apakah matlamat asal ia ditubuhkan sudah dicapai dan adakah ia dimajukan mengikut rancangan.

Perlu diingat bahawa pada 2006, Felda bakal menyambut Jubli Emasnya - bererti sudah hampir 50 umurnya. Felda yang ditubuhkan pada 1956 itu telah menjadi cukup 'dewasa' kini.

Rasional penubuhannya dulu juga adalah sangat murni iaitu demi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar selain menambah hasil pertanian negara. Ia juga selaras tujuan Rancangan Malaya Pertama (RM-1) iaitu untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.

Penubuhan Felda dalam RM-1 bermakna, dalam kesibukan mengisi kemerdekaan, pemimpin kita turut merancang sesuatu yang boleh memberikan manfaat kepada penduduk luar bandar atau khususnya Melayu yang tinggal di kampung dan tidak memiliki tanah.

Apabila menyebut saja Felda, tentulah ia sinonim dengan Allahyarham Tun Abdul Razak, bapa Najib. Kematian Razak seolah-olah satu tamparan kepada usaha memajukan Felda ketika itu.

Tentunya Razak mahu melihat apa yang telah dirancangnya iaitu mewujudkan petani moden di kalangan orang Melayu yang mempunyai pendapatan setanding dengan penduduk bandar.

Persoalan yang sentiasa bermain di benak kita sekarang ialah apakah Pak Lah belum puas hati dengan pencapaian Felda kini, yakni sama ada matlamat penubuhannya yang belum tercapai? Atau pun mungkin juga sudah ada yang tercapai tetapi beliau mahukan kemajuan lebih pesat yang boleh diperoleh generasi kedua dan ketiga Felda.

Menurut laporan, ketika merasmikan sambutan Hari Peneroka Negara di Felda Mempaga Dua, Bentong Pahang, Pak Lah ada menggariskan lima strategi untuk menjadikan tanah rancangan Felda sebagai kawasan pembangunan ekonomi raksasa bagi merapatkan jurang ekonomi penduduk bandar dengan luar bandar.

Jika begitu hasrat Perdana Menteri maka peneraju, pentadbir dan peneroka

Felda seharusnya sehaluan dan seirama jugalah dengan irama dan lagu yang dimainkan oleh Pak Lah. Pentadbir Felda harus mula `meneroka' idea baru yang boleh diketengahkan dan boleh disesuaikan dengan keperluan pada era globalisasi ini.

Mungkin Pak Lah mahu Felda diuruskan dalam konteks yang bersesuaian dengan masa dan keadaan. Ini tidak bermakna Felda tidak membawa kejayaan tetapi yang diharapkan oleh Pak Lah dan Najib nanti ialah satu kejayaan yang menguntungkan lagi peneroka dan boleh dibanggakan bangsa.

Kita harus berbangga bahawa konsep pengurusan cara tanah ala-Felda kerana ia belum pernah diusahakan di negara lain. Lebih penting lagi ialah usaha yang bersungguh-sungguh oleh pemimpin yang terdahulu untuk memajukan masyarakat luar bandar majoritinya adalah Melayu.

Kita doakan hasrat Pak Lah itu mencapai kejayaan. Tidak ada siapa yang akan menyekat hasrat murni ini.

Dengan pelaksanaan strategi baru Perdana Menteri berharap semua 103,000 keluarga peneroka di 275 penempatan akan menikmati kehidupan yang lebih baik dan terjamin sejajar dengan usia Felda,